

16 OCT 2003

Mahathir-Kunjung/I

DR M ADAKAN PERBINCANGAN DUA HALA DI LUAR SIDANG KEMUNCAK OIC

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan beberapa perbincangan dua hala pada acara sampingan di luar sidang kemuncak ketua negara dan kerajaan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10.

Pemimpin pertama yang mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir, yang akan bersara pada akhir bulan ini, ialah Raja Jordan Raja Abdullah.

Pertemuan itu berlangsung kira-kira 30 minit sebelum sidang kemuncak itu ditangguhkan untuk rehat makan tengah hari.

Kemudiannya, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Presiden Iran Seyed Mohammad Khatami yang berlangsung lebih 20 minit.

Beliau kemudiannya mengadakan perbincangan dengan Presiden Rusia Vladimir Putin selama kira-kira 40 minit. Rusia dijemput sebagai tetamu khas sidang kemuncak itu kerana negara itu bukan anggota OIC.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Mesir Dr Atef Muhammad Edeib diikuti dengan perjumpaan dengan Perdana Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia.

Ketua-ketua negara dan kerajaan akan bermesyuarat semula esok sebelum merumuskan Deklarasi Putrajaya.

-- BERNAMA

SR MKO RHM